

KAEDAH VAKT DAN MENULIS NAMA

Oleh

Nur Sharmimi Binti Bakar
nursharmimi@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk melihat bagaimana kaedah visual, auditori, kinestetik dan taktil (VAKT) membantu murid pemulihan Tahun Dua menulis nama. Penyelidikan ini dilaksanakan selama lapan minggu. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis melalui analisis kandungan yang kemudian disemak menggunakan trigulasi kaedah dan sumber. Hasil penyelidikan menunjukkan kaedah VAKT berkesan dalam membantu murid pemulihan Tahun Dua menulis nama dengan betul. Penyelidikan ini memberikan implikasi yang mendalam terhadap penyidik dalam strategi dan kaedah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Cadangan tindakan susulan adalah mengenal dan menulis huruf dengan betul.

Kata kunci : Kaedah VAKT, menulis nama, buku garis tiga, penomboran sebagai label, teknik Smart Cilik

ABSTRACT

This action research was conducted to find out how the visual, auditory, kinaesthetic, and tactile method (VAKT) assist Year 2 remedial class students in writing their names. The research was conducted for eight weeks. The method used to collect the data were observations, interviews and documentaries. The data was analysed by triangulating the method and resources. The results showed that the VAKT technique was effective in assisting the Year 2 remedial class students to write their names correctly. This study gives deep implications for researcher's, especially in teaching and learning strategies and methods. Research to assist students in identifying recovery form letters and write letters correctly made as proposed action.

Key words: VAKT method, writing name, three-lined book, numbering system, "Smart Cilik" technique

PENGENALAN


Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya diberi tanggungjawab untuk mengajar lima orang murid pemulihan untuk Bahasa Melayu dan tiga orang murid pemulihan untuk Matematik. Setelah dua minggu mengajar di dalam kelas pemulihan, saya mendapati dua daripada lima orang murid saya iaitu Mohamad Rohan dan Syahiran mempunyai masalah dalam menulis nama sendiri. Isu ini menarik perhatian saya kerana walaupun sudah mengikuti sesi persekolahan hingga tahun dua, nama masih menjadi masalah

dalam menulis nama sendiri. Oleh itu, saya membuat keputusan untuk membantu dua orang murid pemulihan ini dalam menulis nama dengan betul menggunakan kaedah VAKT. Penyelidikan ini saya jalankan selama dua bulan.

Isu Keprihatinan

Apabila menyemak latihan Mohamad Rohan pada 20 Februari 2012, saya membulatkan kesalahan ejaan nama tersebut agar dia sedar akan kesalahan tersebut (Rujuk Rajah 1). Namun begitu, Mohamad Rohan masih melakukan kesalahan menulis nama walaupun melakukan latihan yang lain pada hari yang sama (Rujuk Rajah 2). Saya mendapati Mohamad Rohan mengalami masalah menulis nama yang perlu saya perbetulkan segera.



Rajah 1 Kesalahan menulis nama Mohamad Rohan dalam Ujian Diagnostik dibulatkan



Rajah 2 Kesalahan menulis nama Mohamad Rohan dalam lembaran kerja kedua

Analisis terhadap penulisan nama bagi Mohamad Rohan menunjukkan bahawa dia tidak tahu huruf dan tidak mengetahui berapa bilangan huruf yang terdapat dalam namanya sendiri. Menurut Clay (1975), menulis nama sendiri dengan betul merupakan perkara yang amat penting dalam diri setiap kanak-kanak kerana nama ini akan mereka gunakan sepanjang kehidupan mereka. Guru berperanan dalam membantu murid dalam menulis nama sendiri dengan betul. Oleh itu, saya ingin menjadikan isu menulis nama

Objektif Kajian

Ekoran daripada tinjauan awal yang dilakukan, objektif kajian ini adalah untuk:

- Membantu murid pemulihan Tahun 2 menulis nama dengan betul, dan
- Menambah amalan baik dalam Pengajaran dan Pembelajaran saya melalui kaedah VAKT untuk membantu murid pemulihan Tahun 2 menulis nama dengan betul.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab soalan kajian berikut:

- Bagaimanakah kaedah VAKT boleh membantu murid pemulihan Tahun 2 menulis nama dengan betul?
- Bagaimanakah kaedah VAKT menambah baik amalan Pengajaran dan Pembelajaran saya untuk membantu murid pemulihan Tahun 2 menulis nama dengan betul?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini menggunakan model Kurt Lewin (1946). Saya mengenalpasti aspek amalan, membuat perancangan, melaksanakan tindakan dan membuat refleksi ke atas penyelidikan yang dijalankan. Setelah mengenalpasti masalah murid, saya mula mencari tinjauan keperustakaan berkaitan dengan menulis nama. Clay (1975) menyatakan bahawa perkataan bermakna pertama yang dikenali oleh kanak-kanak adalah namanya sendiri. Ini adalah kerana nama melambangkan siapa diri mereka (Ashton,1963). Perkataan pertama kanak-kanak haruslah mempunyai makna yang mendalam dan menerusi nama, perkaitan antara bentuk dan bunyi huruf dapat dipelajari secara langsung lalu memudahkan kanak-kanak untuk belajar menulis dan membaca. Menurut Bloodgood (1999) menulis nama dengan betul merupakan aspek yang sangat penting dan aspek paling asas dalam kehidupan harian murid kerana nama merupakan satu pengenalan diri individu murid kepada orang luar kerana nama adalah lambang kepada individu tersebut.

Idea menggunakan kaedah VAKT saya perolehi ketika saya membaca kajian Bleu (1982) yang menggunakan kaedah VAKT yang diperkenalkan oleh Gallingham dan Fernald dalam membantu murid disleksia mengaplikasikan kesemua deria penglihatan (visual), pendengaran (auditori) , pergerakan motor sensori (kinestetik) dan sentuhan (taktil) . Tindakan Gallingham dan Fernald ini berjaya membantu murid mengeja dan membaca. Kaedah VAKT saya rasa sesuai untuk murid pemulihan yang melibatkan pergerakan anggota badan kerana menurut kajian yang dijalankan oleh Bleu, ia membantu murid untuk lebih mengingat kerana penglibatan semua deria ini mempunyai hubungan dan perkaitan antara hemisfera otak kanan dan himesfera otak kiri .

Idea menggunakan lembaran kerja garisan berkembar tiga saya peroleh ketika membaca kajian Meimon (2009) dan juga Tiong (2005) dan Anisah (2010). Mereka telah menghasilkan lembaran kerja yang mempunyai garisan berkembar tiga untuk memastikan tulisan murid mereka seragam dan selari ketinggian serta saiz hurufnya. Tindakan mereka mendatangkan kesan yang positif yang mana peserta kajian mereka berupaya menulis dengan lebih kemas berbanding sebelum tindakan.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Alfian (2011) mengetengahkan teknik Smart Cilik yang menggunakan simbol ☆ pada ruangan penulisan nama murid dalam setiap lembaran kerja yang diberikan. Tujuan symbol bintang ini digunakan adalah bagi membantu murid prasekolah menulis nama pada garisan yang betul. Menerusi pembacaan ini, saya mendapat ilham untuk membantu Mohamad Rohan menulis nama.

Perlaksanaan Tindakan


Langkah dalam penyelidikan saya adalah seperti berikut:

- Semasa sesi p&p di dalam bilik pemulihan, bermula pada 26 Mac 2012, guru menunjukkan kad huruf "M" dan "R" besar, "o" kecil, "h" kecil, "a" kecil, "" kecil dan "n" kecil bagi Mohamad Rohan. (Visual)
- Guru menyebut huruf "M" dan "R" besar, "o" kecil, "h" kecil, "a" kecil, "" kecil dan "n" kecil tersebut satu-persatu dengan betul dan meminta murid untuk melihat pergerakan mulut guru sambil mendengar bunyi huruf di sebut. Langkah ini diulang sebanyak tiga kali (Auditori).
- Peserta kajian sama-sama menyebut huruf tersebut dengan guru dan tanpa guru.



Rajah 3. Aspek V(visual) dan A(auditori) dilaksanakan

- Rajah 4 menunjukkan bagaimana aspek K(kinestetik) iaitu pergerakan anggota badan menggunakan motor halus dilaksanakan di dalam kelas. Dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang disediakan oleh guru dan medium yang berlainan seperti pasir berwarna, menulis di udara, menulis di atas karpas, menulis pada tangan sendiri, menulis atas permukaan kayu dan menulis nama menggunakan span dan warna air. Saya menggunakan bahan bantu mengajar yang berlainan dan telah ditetapkan secara jelas di dalam RPH yang disediakan. Peserta kajian juga menjalankan aktiviti memancing huruf yang terdapat nama sendiri dan kemudian melekatkannya di papan putih mengikut turutan huruf dalam nama, menulis nama menggunakan guli Kristal menggunakan plastik huruf dan membina nama sendiri menggunakan doh berwarna



Rajah 4. Aspek K(kinestetik) dilaksanakan

- Rajah 5 pula menunjukkan peserta kajian diminta untuk merasa struktur huruf yang diajar supaya murid lebih ingat bagaimana bentuk huruf yang betul. Dalam langkah ini, mata murid ditutup bagi merangsang deria sentuhan murid dengan pengalaman mengenal huruf yang pernah dipelajari oleh murid. Huruf yang disediakan oleh guru terdiri daripada pelbagai media seperti licin seperti huruf plastik dari polisterena dan kasar seperti permukaan span cuci pinggan supaya murid dapat merasa struktur huruf yang betul walaupun dalam keadaan yang berlainan. Ini menerangkan aspek keempat dalam kaedah VAKT iaitu T(Taktil)



Rajah 5. Aspek T (Taktil) dilaksanakan

- Rajah 6 menunjukkan peserta kajian memperkemas tulisan nama dengan menulis huruf tersebut di dalam buku garis tiga yang disediakan oleh guru menggunakan penomboran sebagai label, teknik "Smart Cilik" dan pengulangan bagi meningkatkan kefahaman dan daya ingatan. Saya meminta murid mengulang menulis nama mereka dalam buku garis tiga yang disediakan supaya peserta kajian lebih terbiasa untuk menulis nama sendiri.



Rajah 6. Penulisan nama menggunakan buku garis tiga, penomboran dan teknik Smart Cilik dilaksanakan.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Mohamad Rohan dan Syahiran merupakan peserta kajian saya dari SK Pisang. Di samping itu, saya sendiri adalah peserta kajian yang ingin menambahbaik amalan sendiri saya dalam p&p kelas Pemulihan.

Etika Penyelidikan


Sebelum saya memulakan penyelidikan tindakan saya, saya telah menulis surat untuk memohon kebenaran daripada ibu bapa Mohamad Rohan bagi membenarkannya terlibat dengan penyelidikan tindakan ini. Selain itu, saya turut menerangkan secara bersemuka dengan Mohamad Rohan tentang tujuan penyelidikan, perkara yang akan dilakukannya, tempoh penglibatan dalam penyelidikan, jenis data yang saya akan kumpul.

Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk menerangkan dapatan saya.

Pemerhatian

Saya mencatatkan hasil pemerhatian dalam buku nota. Saya mencatatkan tarikh, masa dan perkara yang diperhatikan dalam ruang yang disediakan. Rajah 7 ialah nota lapangan p&p saya pada Khamis, 29 Mac 2012.



Rajah 7. Catatan nota 29 Mac 2012


Temu bual

Selain itu, saya menggunakan kaedah temu bual dalam pengumpulan data bagi penyelidikan tindakan saya. Jenis soalan yang saya Tanya adalah tentang sejauh mana peserta kajian saya suka menggunakan dan melakukan aktiviti yang diberi.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan pada 9 April 2012 ini, saya dapati bahawa peserta kajian saya menggemari aktiviti dalam kaedah VAKT yang dijalankan oleh guru. Peserta kajian saya boleh menulis nama sendiri.

Analisis Dokumen

Saya mengumpul data tindakan melalui analisis dokumen seperti lembaran kerja, latihan dalam buku garis dan hasil kerja rumah dalam buku garis tiga Mohamad Rohan. Rajah 8 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh Mohamad Rohan dalam menulis huruf "M" yang ditulis diruangan yang salah dan jarak antara huruf yang terlalu jauh.



Rajah 8. Latihan dalam buku garis tiga Mohamad Rohan


Saya meninjau perkembangan penulisan nama peserta kajian saya bermula pada awal praktikum fasa tiga hingga program internship . Rajah 9 menunjukkan rekod perkembangan penulisan nama dan kesalahan yang mereka lakukan sepanjang dua bulan memerhati proses pemulihan untuk menulis nama sendiri ini.

Rekod Perkembangan Menulis Nama Dengan Betul			
Nama murid: Mohamad Rohan			
Bil	Latihan (Tarikh)	Kesalahan Huruf	Catatan
1	26/3/2012	M	Menulis huruf 'M' dan 'R' besar sama saiz dengan huruf –huruf kecil yang lain
2	29/3/2012	M dan o	Menulis huruf 'M' besar sama saiz dengan huruf –huruf kecil yang lain dan kedudukan 'o' yang sama tinggi dengan 'M' besar

Rajah 9. Rekod perkembangan Mohamad Rohan


TEKNIK ANALISIS DATA

Saya menganalisis data yang dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan dokumen. Pertama, saya menganalisis nota lapangan bagi setiap sesi p&p yang dilaksanakan. Saya membaca catatan nota lapangan saya berulang-ulang untuk mendapatkan gambaran secara umum bagi tujuan interpretasi. Rajah 10 menunjukkan cara saya menganalisis kandungan nota lapangan p&p pada 29 Mac 2012.



Rajah 10. Sedutan nota lapangan p&p (29 Mac 2012)

Selain itu, saya menganalisis kesalahan yang terdapat dalam buku latihan garis tiga Mohamad Rohan. Rajah 11 menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh Mohamad Rohan. Mohamad Rohan menulis huruf "M" yang ditulis diruangan yang salah dan jarak antara huruf 'a' dan 'm' yang terlalu jauh.



Rajah 11. Kesalahan menulis nama Mohamad Rohan

Ketiga dan terakhir, saya menganalisis temu bual yang dilaksanakan terhadap peserta kajian, rakan sepraktikum dan guru pemulihan khas. Rajah 12 ialah analisis temu bual yang saya jalankan dengan peserta kajian, guru Pemulihan Khas, dan rakan sepraktikum, Marzuin.

Saya : Pada pendapat anda, adakah kaedah VAKT ini berjaya dalam membantu murid saya menulis nama dengan betul?

Marzuin: Ya, saya merasakan bahawa kaedah VAKT yang diperkenalkan kepada Syahiran dan Mohamad Rohan **berjaya kerana mereka berasa seronok. Apabila mereka berasa seronok secara tidak langsung mereka mudah ingat apa yang mereka pelajari.**

Saya : Adakah mutu amalan pnp sendiri saya bertambahbaik?

Marzuin: Ya, kerana anda telah **mempelbagaikan kaedah, strategi dan bahan bantu mengajar yang bersecuran** untuk mengajar Syahiran dan Mohamad Rohan dalam menulis nama dengan betul.

Saya: Bagaimana cikgu melihat perkembangan Syahiran dan Mohamad Rohan dalam menulis nama?

Guru Pemulihan Khas : Sebelum ini Syahiran dan Rohan tidak pernah menulis namanya dengan betul **sebab itu apabila dia menghantar lembaran kerja, saya terkejut apabila Syahiran dan Rohan berjaya menulis nama.** Pada mulanya saya rasa rakannya yang membantunya menulis nama seperti sebelum ini, tetapi rupa-rupanya tidak. Rakannya sendiri mengakui nama tersebut adalah hasil tulisan Syahiran sendiri. Sekarang tulisan mereka menjadi lebih kemas

Saya: Apa p...

Syahiran: S...

Mohamad R...

Saya : Kena...

Syahiran: Kerana saya dapat **memancing huruf, guna nombor, hitung, guna guli berwarna, main, tulis belakang kawan**

Mohamad Rohan: sebab saya boleh **tulis nama guna guli, pancing, plastisin.** Itu sahaja

Saya: Adakah anda sudah pandai menulis nama?

Syahiran : **Ya.** (Angguk kepala dan senyum)

Mohamad Rohan : **Ya**

TB07GPK 10042012

TB05MPK 9042012

Analisa transkrip temu bual

Rajah 12. Analisis temu bual guru pemulihan, rakan praktikum dan peserta kajian
TEKNIK MENYEMAK DATA

Saya membuat triangulasi kaedah dengan membuat perbandingan antara sumber data yang dikumpul iaitu nota lapangan saya, temu bual, lembaran kerja dan rekod perkembangan prestasi peserta kajian. saya kumpul. Saya membanding data dari pelbagai sumber yang boleh menjawab soalan kajian

Untuk menyemak data yang diperolehi, saya meminta bantuan daripada rakan praktikum. Berikut merupakan sedutan transkrip temu bual bersama Marzuin pada 10 April 2012.

Saya	Apakah pandangan anda terhadap kelemahan tentang kaedah VAKT dalam menulis nama dengan betul dan penggunaan buku garis tiga, penomboran dan teknik Smart Cilik dalam memperkemaskan tulisan peserta kajian saya?
Marzuin	Kelemahan ialah dari segi penyediaan BBM untuk aktiviti yang melibatkan kaedah VAKT. Guru terpaksa menyediakan bahan yang banyak setiap kali aktiviti dijalankan. Ini boleh menjadi beban kepada guru sekiranya bilangan murid untuk dibantu menulis nama adalah lebih daripada dua orang.
Saya	Adakah kaedah ini telah menambahkan pengajaran dan pembelajaran yang telah saya jalankan?
Marzuin	Ya, memang menambahkan amalan dan kerana guru menggunakan pelbagai kaedah dan cara untuk mengajar murid menulis nama. Sekurang-kurangnya murid berjaya menulis nama dengan betul.

BERJAYA


TB06 MAR 10042012

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- **Bagaimanakah kaedah VAKT boleh membantu murid pemulihan Tahun 2 menulis nama dengan betul?**

Berdasarkan dapatan kajian yang saya laksanakan terhadap Mohamad Rohan, saya dapati tindakan yang saya laksanakan telah banyak membantu Mohamad Rohan dalam menulis namanya. Ini bertepatan dengan apa yang diterangkan oleh Bleu (1982) iaitu kaedah VAKT ini boleh membantu murid untuk lebih mengingati huruf. Saya mendapati kaedah VAKT melibatkan semua deria yang mempunyai perhubungan dan perkaitan antara himesfera otak kanan dan himesfera otak kiri. Masalah menulis nama ini diperkemaskan lagi dengan bantuan buku garis tiga, kaedah penomboran sebagai label dan teknik 'Smart Cilik'. Ini dapat dilihat daripada hasil daripada lembaran kerja yang dihasilkan dalam buku garis tiga. Rajah 13 dibawah menunjukkan perbandingan antara penulisan nama sebelum kaedah VAKT dijalankan dan selepas kaedah VAKT dijalankan.



Rajah 13. Perbandingan nama sebelum kaedah VAKT dan selepas kaedah VAKT dilaksanakan

- **Bagaimanakah kaedah VAKT menambah baik amalan Pengajaran dan Pembelajaran saya untuk menulis nama murid pemulihan Tahun 2?**

Saya mendapati bahawa saya lebih prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh peserta kajian terutamanya dalam penulisan nama murid. Menerusi kaedah VAKT ini, saya sekaligus telah melatih diri saya sendiri untuk menjadi seorang guru yang sentiasa berfikiran kreatif dan optimis dalam mengajar murid-murid saya.

Menerusi kaedah VAKT ini, saya berjaya meningkatkan mutu amalan p&p sendiri dari segi penggunaan strategi dan teknik mengajar.

Menerusi kaedah ini, saya telah mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan mengaitkan isi pembelajaran saya dengan bahan bantu mengajar yang digunakan. Melalui penyelidikan ini juga, saya meningkatkan keprihatinan saya selaku seorang guru dan penyelidik dalam meningkatkan kemahiran dalam aspek pengurusan masa p&p, tempat pelaksanaan p&p, persediaan bahan bantu mengajar dan rancangan pengajaran harian.

Refleksi Penilaian Tindakan

Melalui penyelidikan ini, sebagai seorang guru pemulihan, saya mendapati bahawa kaedah yang saya perkenalkan dapat memotivasikan dan memberikan keseronokan kepada peserta kajian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Selain itu, peserta kajian berpeluang untuk belajar menulis dengan pelbagai medium seperti di udara, di pasir, di papan tulis, dan anggota badan rakan. Dalam aspek keterampilan untuk amalan professional seorang guru, saya telah meningkatkan kemahiran dan ilmu TMK. Saya baharu mengenali satu program yang dapat membantu saya dalam mengubah gambar selain *software Photoscape* dan *Photoshop* iaitu *Microsoft Office Picture Manager*. Daripada *software* ini, saya telah belajar untuk meningkatkan kualiti gambar dan rajah dalam penulisan laporan penyelidikan tindakan.

Sebagai seorang guru, saya menyedari tentang kepentingan hubungan yang baik antara murid dan guru kerana hubungan yang baik membantu dalam proses p&p dan peserta kajian saya boleh menyuarakan pendapat mereka dengan selesa.

Sebagai seorang penyelidik, saya merasakan bahawa betapa pentingnya mengetahui ilmu berkaitan dengan penyelidikan tindakan ini. Semasa melaksanakan PT saya telah belajar cara mengumpul, menganalisis dan menyemak data. Selain itu saya telah mempelajari etika dalam PT terutamanya dalam prosedur mendapatkan kebenaran melakukan sesuatu tindakan bersama peserta kajian dan hak-hak yang mereka sebagai seorang peserta kajian. Sebagai seorang penyelidik, soal kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh amat dititikberatkan.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Dalam melaksanakan penyelidikan tindakan ini, saya bukan sahaja perlu menghasilkan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan penggunaan kaedah VAKT dan situasi di dalam bilik darjah. Saya juga perlu membuat refleksi atas setiap tindakan seperti mana yang terdapat dalam catatan nota lapangan. Melalui amalan refleksi ini, saya dapat menilai sejauh mana kaedah VAKT dapat membantu peserta kajian saya dalam mengatasi masalah menulis nama. Penulisan refleksi ini melatih saya sentiasa aktif dalam memikirkan jalan penyelesaian, sanggup mengorbankan masa bagi memastikan masalah yang dihadapi dapat di atasi dan bersedia menerima pandangan dari luar.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Setelah saya melaksanakan penyelidikan ini, saya memikirkan beberapa cadangan kajian untuk menambah baik penyelidikan saya pada masa hadapan. Sekiranya saya ingin melanjutkan penyelidikan tindakan ini, saya berhasrat untuk membantu murid dalam mengenal dan menulis huruf A hingga Z dengan menggunakan kaedah VAKT ini. Selain itu, saya berhasrat untuk membantu murid yang mempunyai masalah disleksia dalam menulis nama dengan lebih baik. Saya yakin sekiranya guru dan murid meletakkan usaha seratus peratus untuk mengatasi masalah yang dihadapi, sudah tentu target dan sasaran kerajaan untuk mencapai negara sifar buta huruf menjadi realiti.

RUJUKAN

- Alfian Mansor, (2011). *Teknik "Smart Cilik" bagi Mengatasi Masalah Struktur Penulisan Murid Simptom Disleksia Visual*. Dimuat turun daripada <http://diaricikgu.my/blog/wp-content/uploads/2012/01/KAJIAN-TINDAKAN-DISLEKSIA-.pdf>
- Anisah Binti Anuar @ Yong Hui Ming. *Membetulkan tulisan huruf 'k' dan 's' kecil murid Tahun Tiga menggunakan Lembaran Kerja Garisan Berkembar Tiga dibantu oleh Carta Huruf dan Kaedah Ansur Maju*. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2010, ms.37-54.
- Bloodgood J.W. (1999). *Reading Research Quarterly. What's in a name? Children's name writing and literacy acquisition. 34(3), 342-367.*
- Clay, M.M (1977). *When did I write?* Auckland, New Zealand: Hememann
- Fernald, G. (1943). *Remedial techniques in basic school subjects*. New York: McGraw-Hill.
- Mather, N. (1985). *The Fernald kinesthetic method revisited*. Unpublished manuscript, University of Arizona, Department of Special Education, Rehabilitation, and School Psychology, Tucson.
- Gallingham, A.. & Stillman, H. (1970) *Remedial Training for Children and Specific Disability in Reading, Spelling and Penmanship. (7th ed.)*. Cambridge, Mass; Educators Publishing Service.
- Harold Blau, PhD, and Eugene J. Loveless, PhD (1982). *Specific Hemispheric-Routing-TAK/v to Teach Spelling to Dyslexics: VAK and VAKT Challenged**. Dimuat turun daripada <http://idx.sagepub.com.ezproxy.otago.ac.nz/content/15/8/461.full.pdf+html>

*Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pemulihan amb. Januari 2009,
Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.177-190*

Meimon Binti Sanai, *Celik Huruf: Lancar Baca*. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar
Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009, ms. 102-112.